

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

POLIS JOHOR TUMPAS SINDIKET RM60J

Seludup 43,200 pendatang

Johor Bahru

Sindiket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (Pati) yang bergiat aktif di negeri ini dengan mengaut keuntungan lebih RM60.48 juta membabitkan penyeludupan kira-kira 43,200 Pati sejak 2014 berjaya dilumpuhkan.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, sindiket penyeludupan Pati terancang itu tumpas hasil operasi serbuan berskala besar yang dilakukan antara Khamis hingga kelmarin.

Katanya, ia hasil serbuan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor dengan dibantu Bahagian Pencegahan Antipemerdagangan Manusia dan Penyeludupan Migran (D3) serta Bahagian Siasatan Jenayah Terancang (D14) JSJ Bukit Aman.

"Hasil siri serbuan empat hari sehingga semalam (kelmarin) itu, 40 ahli sindiket membabitkan 21 rakyat tempatan termasuk seorang wanita dan 19 warga Indonesia berusia 22 hingga 58 tahun ditahan.

"Hasil siasatan mendapati sindiket ini bergiat aktif dalam penyeludupan keluar masuk Pati di pesisiran pantai timur Johor sejak 2014.

"Sindiket berkenaan me-



“**Hasil siri serbuan empat hari hingga semalam (kelmarin) itu, 40 ahli sindiket ditahan**”
Ayob Khan

AYOB Khan (kanan) memperincikan mengenai tangkapan sindiket jenayah terancang yang aktif dalam penyeludupan migran di pesisir pantai timur Johor di IPK Johor, semalam.

ngaut keuntungan sangat lumayan berikutan membawa masuk atau keluar kira-kira 600 Pati sebulan sejak 2014 dengan bayaran sehingga RM1,400 seorang.

"Ia bermakna sindiket ini menguruskan sejumlah 43,200 Pati sama ada masuk atau keluar secara haram dari negara ini dengan keuntungan melebihi RM60.48 juta," katanya pada sidang media di IPK Johor di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Ayob Khan berkata, ketua sindiket

antarabangsa berkenaan dipercayai menguruskan kumpulan jenayah terancangnya itu dari Batam, Indonesia.

"Polis Johor akan mendapatkan kerjasama Polis Indonesia bagi mengesan ketua sindiket penyeludupan Pati berkenaan dalam masa terdekat.

"Sindiket ini merekrut pekerja mereka terutama penghubung menerusi tapisan ketat sebelum diterima bekerja bagi mengelakkan jenayah mereka terbongkar

dan dikesan pihak berkuasa.

"Enam dalang utama dalam sindiket jenayah terancang penyeludupan Pati ini membabitkan ketua sindiket, ejen atau pengurus, penghubung, tekong darat, penjaga tempat penampungan atau penginapan dan tekong laut.

"Ejen, penghubung, tekong darat dan laut dipercayai mendapat komisen antara RM250 hingga RM350 bagi setiap Pati," katanya.

Beliau berkata, 40 ahli sin-

diket yang ditahan itu membabitkan ejen (tiga), penghubung (10), tekong darat (15) dan penjaga rumah penampungan (12).

Katanya, turut dirampas dalam serbuan berkenaan adalah 16 kereta, sebuah van, laptop fiber dan 114 telefon bimbit.

Menurutnya, semua suspek yang ditahan disiasat mengikut Seksyen 130V Jenayah Terancang Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma).

LOKASI AKTIVITI PENYELUDUPAN DI PESISIRAN PANTAI TIMUR JOHOR



INTEGRATED Metro